

KERTAS PERINTAH 18 TAHUN 2023



MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT

PERINTAH

PENYATA DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN MENGENAI ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023

PENDAHULUAN

Penyata ini dikemukakan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2023 bersama-sama dengan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023. Ia menunjukkan ringkasan jumlah anggaran bagi Perbelanjaan Mengurus (Bekalan dan Tanggungan) dan Perbelanjaan Pembangunan (P) bagi tahun 2023. Kedua-dua anggaran tersebut ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan (B/P) yang sama bagi sesuatu Kementerian dan Jabatan.

JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN 2023

2. Anggaran perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM388.1 bilion. Sejumlah RM289.1 bilion atau 74.5% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM99.0 bilion atau 25.5% (termasuk RM2.0 bilion bagi Simpanan Luar Jangka) adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan. Anggaran perbelanjaan mengikut maksud-maksud perbelanjaan adalah seperti di **LAMPIRAN A** bagi Perbelanjaan Mengurus, **LAMPIRAN B** bagi Perbelanjaan Pembangunan dan **LAMPIRAN C** mengikut pengagihan sektor utama.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

3. Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 adalah berjumlah RM289.1 bilion di mana sebanyak RM83.4 bilion atau 28.8% adalah untuk Perbelanjaan Tanggungan dan sebanyak RM205.7 bilion atau 71.2% adalah untuk Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Tanggungan (T)” adalah merupakan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang Persekutuan lain yang berkuat kuasa dan ditunjukkan dalam anggaran di bawah Maksud T.1 hingga T.14. Peruntukan tersebut adalah termasuk RM46.1 bilion di bawah Maksud T.13 bagi Perbelanjaan Kerana Hutang Negara, RM30.5 bilion di bawah Maksud T.14 bagi Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran serta RM6.6 bilion di bawah Maksud T.12 bagi Pemberian dan Serahan kepada Negeri-negeri. Butiran Perbelanjaan Bekalan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Bekalan (B)” adalah peruntukan bagi membiayai perbelanjaan mengurus termasuk pelaksanaan program dan aktiviti oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi di bawah Maksud B.1 hingga B.64.

4. Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 sebanyak RM289.1 bilion ini telah dikategori dan dikodkan di bawah Objek-objek Am mengikut Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan seperti ditunjukkan dalam Jadual I:-

JADUAL I

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS 2023 MENGIKUT OBJEK AM

Objek Am	Butiran	Anggaran Mengurus 2023 (RM juta)	Peratus Daripada Anggaran (%)
(1)	(2)	(3)	(4)
10000	Emolumen	90,765	31.4
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	32,037	11.0
30000	Aset	911	0.3
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	164,689	57.0
50000	Perbelanjaan- perbelanjaan Lain	738	0.3
	JUMLAH	289,140	100.0

5. Penjelasan mengenai peruntukan yang disediakan untuk kementerian berdasarkan anggaran perbelanjaan terbesar adalah seperti berikut:-

i. **Kementerian Kewangan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Kementerian Kewangan yang terdiri daripada Maksud B.10, B.11 dan B.12 adalah berjumlah RM57,324 juta iaitu 19.8% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023. Peruntukan di bawah Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan menerima jumlah peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM51,681 juta. Peruntukan bagi Maksud B.11 ini antaranya adalah bagi menampung Subsidi dan Bantuan Tunai berjumlah RM42,481 juta dan Subsidi Faedah Imbuhan Tabung Pinjaman berjumlah RM1,681 juta. Sebanyak

RM4,200 juta diperuntukkan di bawah Maksud B.10 untuk membiayai keperluan Perbelanjaan Mengurus bagi Perbendaharaan termasuk Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Maksud B.12 – Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun diperuntukkan sebanyak RM1,443 juta. Peruntukan di bawah B.12 adalah termasuk Kumpulan Wang Persaraan sebanyak RM500 juta.

ii. **Kementerian Pendidikan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pendidikan adalah berjumlah RM49,500 juta iaitu 17.1% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023. Sebahagian besar daripada peruntukan ini yang berjumlah RM41,752 juta iaitu 84.3% adalah untuk bayaran emolumen. Dari segi program utama sebanyak RM20,155 juta disediakan bagi Program Pendidikan Rendah, RM18,857 juta bagi Program Pendidikan Menengah, RM942 juta bagi Program Pendidikan Awal (Prasekolah) dan RM359 juta bagi Pendidikan Lepas Menengah.

iii. **Kementerian Kesihatan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM31,500 juta iaitu 10.9% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023. Peruntukan ini termasuk RM19,725 juta bagi membiayai perbelanjaan emolumen dan RM11,193 juta bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan seperti pembelian ubat, bahan pakai buang, penyelenggaraan dan pengoperasian fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan.

iv. **Kementerian Dalam Negeri**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah berjumlah RM13,803 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM8,664 juta disediakan bagi Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia sebanyak RM1,123 juta, Jabatan Penjara Malaysia sebanyak RM1,068 juta, Jabatan Pendaftaran Negara sebanyak RM387 juta, pengurusan KDN sebanyak RM385 juta dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan sebanyak RM378 juta.

v. **Kementerian Pendidikan Tinggi**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah berjumlah RM11,700 juta iaitu 4.0% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023. Sebahagian besar daripada peruntukan ini yang berjumlah RM7,452 juta adalah untuk bayaran geran operasi universiti awam. Selain itu, RM1,644 juta disediakan bagi menampung keperluan hospital pengajar dan sebanyak RM1,448 juta diperuntukkan bagi politeknik dan kolej komuniti.

vi. **Kementerian Pertahanan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertahanan adalah berjumlah RM11,414 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan ini iaitu RM8,064 juta atau 70.6% adalah untuk membiayai emolumen manakala bakinya adalah untuk perolehan bekalan termasuk pakaian seragam, rangsum, sewaan, bahan api, serta menampung perbelanjaan kem, kuarters, peralatan-peralatan lain dan hal ehwal veteran.

vii. **Jabatan Perdana Menteri**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan agensi-agensi di bawahnya berjumlah RM4,333 juta. Antara peruntukan utama adalah sebanyak RM1,010 juta untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan sebanyak RM665 juta, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan sebanyak RM500 juta, pentadbiran JPM sebanyak RM362 juta, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebanyak RM174 juta dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang sebanyak RM166 juta.

viii. **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan adalah berjumlah RM3,775 juta. Sebanyak RM2,026 juta diperuntukkan untuk pelbagai subsidi, insentif, bantuan dan elaun yang terdiri daripada Subsidi Harga Padi, Subsidi Baja Padi, Subsidi Benih Padi Sah, Insentif Pengeluaran Padi dan Insentif Bersasar Nelayan. Sebanyak RM917 juta disediakan sebagai pemberian kepada badan-badan berkanun di bawah Kementerian.

ix. **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah adalah berjumlah RM3,616 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah bagi membiayai program di bawah Majlis Amanah Rakyat, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan pelbagai program pembangunan luar bandar.

x. **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah berjumlah RM3,196 juta. Peruntukan sebanyak RM2,395 juta disediakan untuk pelbagai bantuan seperti Bantuan Sosioekonomi Orang Kurang Upaya berjumlah RM1,058 juta, Bantuan Sosioekonomi Warga Emas berjumlah RM899 juta dan Bantuan Sosioekonomi Keluarga Miskin berjumlah RM408 juta.

6. Butir-butir terperinci mengenai cadangan peruntukan mengikut program dan aktiviti bagi setiap Maksud Perbelanjaan Mengurus adalah seperti dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

7. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud "Pembangunan (P)" adalah berjumlah RM99.0 bilion. Jumlah ini adalah termasuk RM2.0 bilion bagi Simpanan Luar Jangka di bawah Maksud P.70. Sebanyak RM95.6 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan langsung manakala RM1.4 bilion adalah dalam bentuk pinjaman.

8. Pengagihan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan mengikut sektor utama adalah seperti berikut:

i. **Sektor Ekonomi**

Peruntukan bagi **sektor ekonomi** adalah berjumlah RM55,035 juta iaitu 55.6% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023. Sebanyak RM21,944 juta untuk kewangan, RM17,565 juta adalah untuk pengangkutan, RM3,261 juta untuk pertanian, RM2,749 juta untuk perdagangan dan perindustrian, RM2,673 juta untuk alam sekitar, RM2,561 juta untuk tenaga dan kemudahan-kemudahan awam, RM2,428 juta untuk penyelidikan dan pembangunan, RM770 juta untuk perhubungan, RM680 juta untuk tenaga, RM365 juta untuk membiayai kajian kemungkinan dan RM39 juta untuk membiayai pembangunan sumber-sumber galian.

Sebanyak RM21,944 juta disediakan untuk **kewangan** bagi membiayai pelbagai suntikan modal. Selain itu, sebanyak RM17,565 juta disediakan untuk **pengangkutan**. Daripada jumlah ini, RM9,707 juta untuk melaksanakan projek-projek jalan raya dan jambatan, RM6,542 juta adalah untuk membiayai projek landasan kereta api dan kereta api transit laju, RM1,219 juta disediakan untuk projek penerbangan awam dan RM97 juta untuk projek-projek pelabuhan dan perkhidmatan laut.

Sebanyak RM3,261 juta disediakan untuk **pertanian**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2,534 juta adalah untuk membiayai pelbagai program dan projek pertanian, RM275 juta untuk membiayai program khidmat sokongan, RM200 juta untuk program-program perikanan, RM135 juta untuk ternakan, RM95 juta untuk pembangunan tanah dan wilayah serta perhutanan dan RM22 juta untuk agro pelancongan.

Sebanyak RM2,749 juta disediakan untuk **perdagangan dan perindustrian**. Daripada jumlah ini, RM1,488 juta adalah untuk pembangunan aktiviti perindustrian, RM671 juta adalah untuk pembangunan keusahawanan, RM168 juta untuk pembangunan sektor pelancongan, RM161 juta untuk perusahaan kecil dan sederhana, RM143 juta untuk perdagangan, RM115 juta untuk pembangunan perniagaan dan RM3 juta untuk pemasaran.

Sebanyak RM2,673 juta disediakan untuk **alam sekitar**. Daripada jumlah ini, RM2,348 juta bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, RM317 juta adalah bagi pengawalan kualiti alam sekitar dan RM8 juta bagi pengkalan sumber perhutanan.

Sebanyak RM2,561 juta disediakan untuk **tenaga dan kemudahan awam**. Daripada jumlah ini, RM1,779 juta adalah untuk bekalan air dan letrik, RM761 juta untuk perkhidmatan pembedungan serta RM21 juta untuk rancangan saliran dan perparitan bandar.

Sejumlah RM2,428 juta disediakan untuk **penyelidikan dan pembangunan**. Daripada jumlah ini, RM1,913 juta untuk projek-projek strategik, RM252 juta untuk penajaan aktiviti-aktiviti perindustrian dan mineral, RM212 juta adalah untuk membiayai projek-projek sains dan sosial serta perubatan dan RM51 juta untuk penajaan aktiviti-aktiviti pertanian.

Sejumlah RM770 juta disediakan untuk **perhubungan**. Daripada jumlah ini, RM729 juta adalah untuk perkhidmatan telekomunikasi dan RM41 juta untuk perkhidmatan meteorologi. Sebanyak RM680 juta disediakan untuk **tenaga**. Daripada jumlah ini, RM666 juta bagi bekalan elektrik dan RM14 juta untuk haba dan gas.

Sejumlah RM365 juta disediakan untuk **kajian kemungkinan** dan baki peruntukan sektor ekonomi sebanyak RM39 juta disediakan bagi **pembangunan sumber-sumber galian**.

ii. **Sektor Sosial**

Sebanyak RM26,545 juta atau 26.8% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 disediakan untuk **sektor sosial**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM13,556 juta adalah bagi **pelajaran dan latihan**, khususnya untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain.

Sebanyak RM4,916 juta disediakan bagi **perkhidmatan kesihatan dan kependudukan** untuk membiayai projek-projek pembinaan dan naik taraf hospital, pusat kesihatan dan klinik desa. Sebanyak RM2,543 juta disediakan untuk **majlis-majlis tempatan, perkhidmatan kebajikan dan masyarakat**. Sebanyak RM2,319 juta disediakan untuk **pembangunan kampung dan masyarakat**, RM2,114 juta untuk membiayai projek-projek perumahan, RM403 juta untuk **kebajikan masyarakat, perpaduan negara dan Orang Asli**, RM350 juta untuk **kebudayaan, belia dan sukan**, RM326 juta untuk **penerangan dan penyiaran**, dan RM18 juta untuk **pembelian tanah**.

iii. **Sektor Keselamatan**

Sebanyak RM11,518 juta atau 11.6% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 disediakan bagi **sektor keselamatan**. Jumlah ini adalah untuk membiayai projek-projek **pertahanan** sebanyak RM6,405 juta dan **keselamatan dalam negeri** sebanyak RM5,113 juta.

iv. **Sektor Pentadbiran**

Sektor pentadbiran disediakan sebanyak RM3,902 juta atau 3.9% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023. Sebanyak RM3,359 juta adalah bagi **perkhidmatan-perkhidmatan am** manakala baki sebanyak RM543 juta adalah bagi **pembaikan dan pengubahsuaian**. Peruntukan ini adalah untuk pembinaan, pengubahsuaian dan pembaikan bangunan pejabat Kerajaan, perolehan sistem dan peralatan komputer serta kemudahan-kemudahan pentadbiran yang lain.

9. Butir-butir terperinci mengenai cadangan peruntukan mengikut butiran bagi setiap Maksud Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA,
PUTRAJAYA.

24 Februari 2023

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2023 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B Yang di-Pertuan Agong	13,533,000
T.2	Elaun-elaun Diraja	1,337,000
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	115,000,000
T.4	Ketua Audit Negara	900,400
T.5	Yang di-Pertua Dewan Rakyat	564,000
T.6	Yang di-Pertua Dewan Negara	504,000
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	2,465,300
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	11,600
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	6,291,600
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	5,254,500
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	2,132,200
T.12	Perbendaharaan	6,644,653,100
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	46,100,000,000
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	30,500,000,000
JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN		83,392,646,700
JABATAN PERDANA MENTERI		
B.1	Parlimen Malaysia	166,731,200
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	3,604,700
B.3	Jabatan Audit Negara	160,837,500
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	65,543,300
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	42,380,200
B.6	Jabatan Perdana Menteri	4,333,910,300
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	471,501,600
B.8	Jabatan Peguam Negara	198,343,100
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	312,415,600
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	21,142,400
KEMENTERIAN KEWANGAN		
B.10	Perbendaharaan	4,200,000,000
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	51,681,721,500
B.12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,443,074,500

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2023 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN LUAR NEGERI	
B.13	Kementerian Luar Negeri	809,613,800
	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	
B.14	Kementerian Perpaduan Negara	541,595,300
	KEMENTERIAN EKONOMI	
B.15	Kementerian Ekonomi	535,476,300
	KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	
B.20	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	397,000,000
	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN	
B.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	3,775,105,000
	KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH	
B.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	3,616,367,700
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	
B.23	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	1,674,694,400
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	
B.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	625,096,500
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP	
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	1,191,811,400
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	212,141,400

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2023 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN KERJARAYA	
B.27	Kementerian Kerja Raya	865,271,900
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
B.28	Kementerian Pengangkutan	1,544,627,300
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	673,501,200
	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA	
B.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	837,175,600
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
B.42	Kementerian Kesihatan	31,500,000,000
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN	
B.43	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	1,774,905,500
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	621,098,300
	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	
B.46	Kementerian Sumber Manusia	845,163,900
	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL	
B.47	Kementerian Komunikasi dan Digital	991,449,100

LAMPIRAN A

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENURUS TAHUN 2023 SEPRTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	3,196,960,900
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
B.60	Kementerian Pertahanan	11,414,091,900
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
B.62	Kementerian Dalam Negeri	13,803,000,000
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
B.63	Kementerian Pendidikan	49,500,000,000
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	
B.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	11,700,000,000
	JUMLAH PERBELANJAAN BEKALAN	205,747,353,300
	JUMLAH PERBELANJAAN MENURUS	289,140,000,000

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2023</i>		
		<i>CARA</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
		<i>LANGSUNG</i>		
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i>	<i>(4)</i>	<i>(5)</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
	JABATAN PERDANA MENTERI			
P.6	Jabatan Perdana Menteri	7,428,334,100	60,000,000	7,488,334,100
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,003,350,000	0	1,003,350,000
	KEMENTERIAN KEWANGAN			
P.10	Perbendaharaan	24,082,396,800	0	24,082,396,800
	KEMENTERIAN LUAR NEGERI			
P.13	Kementerian Luar Negeri	161,520,300	0	161,520,300
	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA			
P.14	Kementerian Perpaduan Negara	29,746,200	0	29,746,200
	KEMENTERIAN EKONOMI			
P.15	Kementerian Ekonomi	4,040,854,700	160,000,000	4,200,854,700
	KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI			
P.20	Kementerian Perladangan dan Komoditi	224,697,000	50,000,000	274,697,000
	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN			
P.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	1,455,107,300	164,000,000	1,619,107,300
	KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH			
P.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	7,366,019,200	58,400,000	7,424,419,200
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM			
P.23	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	4,093,127,700	771,637,700	4,864,765,400
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI			
P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	938,950,000	21,500,000	960,450,000

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2023</i>		
		<i>CARA</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
		<i>LANGSUNG</i>		
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i>	<i>(4)</i>	<i>(5)</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP			
P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara hidup	60,800,000	0	60,800,000
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI			
P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	520,210,400	0	520,210,400
	KEMENTERIAN KERJA RAYA			
P.27	Kementerian Kerja Raya	7,473,788,300	100,000,000	7,573,788,300
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN			
P.28	Kementerian Pengangkutan	4,537,356,800	0	4,537,356,800
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI			
P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	440,747,800	0	440,747,800
	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA			
P.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	134,081,100	0	134,081,100
	KEMENTERIAN KESIHATAN			
P.42	Kementerian Kesihatan	4,827,355,900	0	4,827,355,900
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN			
P.43	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	3,558,827,300	0	3,558,827,300

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>ANGGARAN 2023</i>		
		<i>CARA</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
		<i>LANGSUNG</i>		
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i>	<i>(4)</i>	<i>(5)</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN			
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	423,401,200	0	423,401,200
	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA			
P.46	Kementerian Sumber Manusia	512,075,400	0	512,075,400
	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL			
P.47	Kementerian Komunikasi dan Digital	1,745,917,300	0	1,745,917,300
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT			
P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	220,187,800	0	220,187,800
	KEMENTERIAN PERTAHANAN			
P.60	Kementerian Pertahanan	6,332,150,600	0	6,332,150,600
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI			
P.62	Kementerian Dalam Negeri	4,713,559,100	0	4,713,559,100
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN			
P.63	Kementerian Pendidikan	5,690,794,700	0	5,690,794,700
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI			
P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	3,599,105,300	0	3,599,105,300
	JUMLAH	95,614,462,300	1,385,537,700	97,000,000,000
	SIMPANAN LUAR JANGKA			
P.70	Simpanan Luar Jangka			2,000,000,000
	JUMLAH BESAR			99,000,000,000

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023

Sektor (1)	Anggaran Mengurus (RM juta) (2)	Anggaran Pembangunan (RM juta) (3)	Jumlah Anggaran (RM juta) (4)	Peratus Daripada Jumlah (%) (5)
I. EKONOMI	<u>18,670</u>	<u>55,035</u>	<u>73,705</u>	<u>19</u>
a. Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	3,623	0	3,623	1
b. Pembangunan Sumber-sumber Galian	73	39	112	0
c. Perdagangan dan Perindustrian	3,624	2,749	6,373	2
d. Pengangkutan	6,728	17,565	24,293	6
e. Perhubungan	91	770	861	0
f. Tenaga dan Kemudahan-kemudahan Awam	209	2,561	2,770	1
g. Kajian Kemungkinan	0	365	365	0
h. Penyelidikan dan Pembangunan	1,301	2,428	3,729	1
i. Kewangan	2,792	21,944	24,736	6
j. Alam Sekitar	131	2,673	2,804	1
k. Pertanian	0	3,261	3,261	1
l. Tenaga	98	680	778	0
II. SOSIAL	<u>109,345</u>	<u>26,545</u>	<u>135,890</u>	<u>35</u>
a. Pelajaran dan Latihan	61,462	13,556	75,018	19
b. Kesihatan dan Kependudukan	28,374	4,916	33,290	9
c. Penerangan dan Penyiaran	983	326	1,309	0
d. Perumahan	50	2,114	2,164	1
e. Kebudayaan, Belia dan Sukan	1,009	350	1,359	0
f. Majlis-majlis Tempatan, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat	3,186	2,543	5,729	1
g. Pembangunan Kampung dan Masyarakat	1,557	2,319	3,876	1
h. Pembelian Tanah	0	18	18	0
i. Kebajikan Masyarakat, Perpaduan Negara dan Orang Asli	12,724	403	13,127	3

LAMPIRAN C

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2023

Sektor (1)	Anggaran Mengurus (RM juta) (2)	Anggaran Pembangunan (RM juta) (3)	Jumlah Anggaran (RM juta) (4)	Peratus Daripada Jumlah (%) (5)
III. KESELAMATAN	<u>25,983</u>	<u>11,518</u>	<u>37,501</u>	<u>10</u>
a. Pertahanan	11,428	6,405	17,833	5
b. Keselamatan Dalam Negeri	14,555	5,113	19,668	5
IV. PENTADBIRAN AM	<u>15,826</u>	<u>3,902</u>	<u>19,728</u>	<u>5</u>
a. Perkhidmatan-perkhidmatan Am	12,350	3,359	15,709	4
b. Pembaikan dan Pengubahsuaian	146	543	689	0
c. Bayaran Balik dan Bayaran Ganti	2,588	0	2,588	1
d. Perkhidmatan Luar Negeri	742	0	742	0
V. TANGGUGAN TERTENTU	<u>77,399</u>	<u>0</u>	<u>77,399</u>	<u>19</u>
a. Pencen dan Ganjaran	31,071	0	31,071	8
b. Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	46,100	0	46,100	11
c. Tanggungan-tanggungan Lain	228	0	228	0
VI. BAYARAN PINDAHAN	<u>41,917</u>	<u>0</u>	<u>41,917</u>	<u>11</u>
a. Pemberian dan Pinjaman Kepada Negeri	2,154	0	2,154	1
b. Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	742	0	742	0
c. Caruman Lain	54	0	54	0
d. Bayaran Pindahan Lain	38,967	0	38,967	10
VII. SIMPANAN LUAR JANGKA	<u>0</u>	<u>2,000</u>	<u>2,000</u>	<u>1</u>
JUMLAH	<u>289,140</u>	<u>99,000</u>	<u>388,140</u>	<u>100</u>

CATATAN : Klasifikasi mengikut sektor dalam jadual di atas adalah menurut klasifikasi yang lazim dipakai bagi perbelanjaan Kerajaan dan terdiri daripada pelbagai Maksud Perbelanjaan yang boleh menyebabkan jumlah peruntukan yang ditunjukkan mungkin berbeza dengan jumlah peruntukan yang ditunjukkan di bawah Maksud-Maksud Perbelanjaan bagi Kementerian/Jabatan yang terdapat dalam Buku Anggaran Perbelanjaan.

COMMAND PAPER 18 OF 2023



MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT

PERINTAH

MINISTRY OF FINANCE STATEMENT OF THE FEDERAL EXPENDITURE ESTIMATES 2023

INTRODUCTION

This statement is presented as Command Paper 18 of 2023 together with the Federal Expenditure Estimates 2023 that is tabled as Command Paper 19 of 2023. It provides a summary of the total Estimates of the Operating (Supply and Charged) and Development (P) Expenditures for the year 2023, which are shown under the same Purposes of Expenditure (B/P) for every Ministry and Department.

TOTAL EXPENDITURE ESTIMATES 2023

2. The total Expenditure Estimates proposed for the year 2023 is RM388.1 billion, of which a proposed sum of RM289.1 billion or 74.5% is allocated as Operating Expenditure whereas RM99.0 billion or 25.5% (including a provision of RM2.0 billion for the Contingencies Reserve) is allocated as Development Expenditure. The breakdown of the proposed estimates by purposes of

expenditures are shown in **APPENDIX A** for Operating Expenditure, **APPENDIX B** for Development Expenditure and **APPENDIX C** by major sectors of expenditure.

OPERATING EXPENDITURE ESTIMATES

